

ADVANCE SYNERGY BERHAD

[Registration No. 192001000024 (1225-D)]

► NOTIS DATA PERIBADI

Advance Synergy Berhad ("**ASB**" atau "**kami**") dan anak-anak syarikat (selepas ini dirujuk sebagai "**Kumpulan ASB**") adalah prihatin dengan kewajipan kami dalam pematuhan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("**Akta**" tersebut), yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, termasuk mana-mana perundangan kecil, peraturan, piawaian, garis panduan serta pindaan yang dibuat di bawahnya dari semasa ke semasa.

Istilah "data peribadi" dan "pemprosesan" bagi tujuan Notis Data Peribadi ini membawa makna seperti yang ditetapkan dalam Akta.

Bagi tujuan Notis Data Peribadi ini:

"Data Peribadi Sensitif" hendaklah mempunyai maksud seperti yang ditetapkan dalam Akta dan meliputi data peribadi yang mengandungi maklumat mengenai kesihatan atau keadaan fizikal atau mental, pandangan politik, kepercayaan agama atau kepercayaan lain yang seumpama, data biometrik, penglibatan atau dituduh penglibatan dalam apa-apa kesalahan dan semua data peribadi lain yang ditetapkan oleh undang-undang sebagai data peribadi sensitif.

"Pemproses Data" bermakna mana-mana individu, selain daripada kakitangan ASB dan/atau Kumpulan ASB, yang memproses data peribadi semata-mata bagi pihak ASB dan/atau Kumpulan ASB.

Notis Data Peribadi ini terpakai kepada mana-mana individu yang data peribadinya diproses oleh atau bagi pihak ASB dan/atau Kumpulan ASB dan bertujuan memaklumkan anda mengenai cara data peribadi anda diproses.

1. Data peribadi yang diproses oleh kami mungkin meliputi nama, tarikh lahir, jantina, nombor kad pengenalan, nombor pasport, jawatan, nama syarikat, butiran hubungan, alamat e-mel, butiran surat-menyurat, maklumat transaksi, maklumat pelawat, rakaman CCTV, rekod akses dan data peribadi anda lain yang dikumpul untuk tujuan-tujuan berikut.
2. Data Peribadi Sensitif lazimnya tidak dikumpul kecuali data tersebut dikehendaki untuk memenuhi Tujuan-tujuan (seperti yang tertakrif di sini) dan dengan syarat kami memperoleh persetujuan bertulis yang nyata daripada anda atau yang dibenarkan oleh undang-undang berkenaan.
3. Data peribadi anda, termasuk data peribadi sensitif ("**Data**") boleh dikumpul daripada pelbagai sumber, termasuk maklumat yang telah anda berikan dan masih berikan dari semasa ke semasa kepada kami, maklumat daripada pihak ketiga (termasuk dan tidak terhad kepada pengawalseliaan dan penguatkuasaan undang-undang) dan maklumat dalam domain awam, maklumat yang diperolehi melalui laman sesawang, komunikasi elektronik, borang pendaftaran, permohonan, pertanyaan, urusan perniagaan, pengaturan kontrak, sistem CCTV dan sistem keselamatan atau kawalan akses kami.
4. Data anda sedang atau akan diproses untuk tujuan-tujuan yang anda nyatakan, seperti untuk membolehkan kami memproses permohonan dan/atau pendaftaran yang anda kemukakan kepada kami, mempertimbangkan permohonan kerja dan/atau mempertimbangkan mengikat kontrak dengan anda dan/atau membalas pertanyaan anda. Selain itu, Data anda boleh diproses untuk membolehkan kami meningkatkan pengurusan hubungan kontrak kami dan/atau memberikan anda maklumat mengenai ASB dan/atau Kumpulan ASB, aktiviti, produk dan/atau perkhidmatan yang ada, untuk menjalankan kegiatan dalaman, untuk tujuan penyelidikan, analisis dan statistik, untuk keselamatan, kawalan akses, pengurusan risiko, audit, pematuhan, urus tadbir, pencegahan penipuan, kesinambungan perniagaan, pentadbiran teknologi maklumat, pengurusan hubungan pelanggan dan pihak berkepentingan, pemprosesan pembayaran, tujuan pengedaran dan kutipan, untuk tujuan lain yang dibenarkan untuk undang-undang yang berkenaan atau dengan persetujuan anda, dan apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengannya (dirujuk secara kolektif dalam Notis Data Peribadi ini sebagai "**Tujuan-tujuan**").

Kegagalan anda untuk memberikan Data boleh menyebabkan kami tidak dapat melaksanakan Tujuan-tujuan tersebut. Adalah penting untuk memberikan Data yang tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan kemas kini. Oleh yang demikian, anda bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada kami sekiranya Data anda berubah.

► NOTIS DATA PERIBADI

Data anda mungkin didedahkan kepada mana-mana syarikat dalam Kumpulan ASB atau kepada ejen, wakil, penasihat profesional dan/atau perunding, penyedia perkhidmatan dan/atau utiliti pihak ketiga, kontraktor, pembekal dan/atau vendor termasuk juruaudit, peguam, syarikat insuran, institusi kewangan, pemproses pembayaran, penyedia perkhidmatan teknologi maklumat, penyedia hos awam, pusat data dan Pemproses Data yang kami lantik bagi Tujuan-tujuan tersebut, di samping pihak berkuasa kerajaan, perbandaran dan/atau pengawal selia atau berkanun dan mana-mana pihak lain yang kami anggap perlu bagi Tujuan-tujuan tersebut atau keperluan perundangan menurut undang-undang berkenaan atau untuk tindakan terhadap badan berkuasa.

Secara am, Data anda akan dirahsiakan dan tidak didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga yang tidak diberikan kuasa.

5. Anda berhak meminta akses untuk membetulkan Data anda yang kami pegang dan kelola, tertakluskentiasa kepada pengecualian tertentu menurut peruntukan Akta tersebut. Kami bertekad mengambil langkah-langkah wajar untuk memastikan Data anda tepat dan kemas kini. Oleh yang demikian, jika terdapat sebarang perubahan pada Data anda, kami meminta agar anda memaklumkan kami dengan segera. Kami tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang ketidaktepatan Data anda yang terhasil akibat kegagalan anda memaklumkan kami mengenai perubahan berkenaan.

Tertakluk kepada Akta tersebut, anda juga mungkin berhak untuk menarik balik persetujuan bagi pemprosesan Data anda, menghad pemprosesan Data anda dan membuat pilihan supaya tidak menerima komunikasi pemasaran atau promosi daripada kami. Permintaan sedemikian mungkin tertakluk kepada sekatan undang-undang, kontrak dan pengawalseliaan.

6. Anda boleh mengemukakan permintaan akses data, permintaan pembetulan data, penarikan balik persetujuan dan/atau menghentikan/tidak memulakan pemprosesan selanjutnya, permintaan untuk memindahkan data kepada pengawal data berlainan (tertakluk kepada kebolehlaksanaan teknikal dan keserasian format data), dan sebarang pertanyaan atau aduan mengenai Data anda kepada yang berikut:

Jawatan	Pegawai Perlindungan Data
Alamat Surat-menyurat	Advance Synergy Berhad Synergy 9 9 Jalan Kajibumi U1/70 Temasya Glenmarie 40150 Shah Alam Selangor
Nombor Telefon	+603-5192 8822 samb. 225
Number Faks	+603-5192 8811
Alamat E-mel	dpo@asb.com.my

Selaras dengan Akta tersebut:

- yuran pemprosesan mungkin dikenakan ke atas permintaan akses data anda; dan
- permintaan anda bagi akses atau pembetulan Data anda mungkin ditolak.

Anda mungkin diminta untuk memberikan maklumat untuk mengesahkan identiti anda untuk kami memproses permintaan, pertanyaan atau aduan anda. Pemberian nama syarikat Kumpulan ASB yang memproses Data anda (atau yang anda percaya sedang memproses) dapat memudahkan urusan berkenaan.

7. Bagi memenuhi Tujuan-tujuan atau mematuhi undang-undang berkenaan atau kewajipan undang-undang atau untuk tujuan dalaman, ASB dan/atau Kumpulan ASB akan menyimpan Data anda mengikut tempoh yang diperlukan dari tarikh pengumpulan.

► NOTIS DATA PERIBADI

ASB dan/atau Kumpulan ASB akan mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memastikan Data yang tidak lagi diperlukan bagi Tujuan-tujuan tersebut dimusnahkan atau dipadam secara kekal atau dianonimkan menurut keperluan undang-undang atau pengawalseliaan berkenaan.

8. Kami akan melaksanakan langkah-langkah yang sewajarnya untuk melindungi Data anda daripada akses tanpa kebenaran, pendedahan, pengubahan, kehilangan atau kemusnahan, menurut undang-undang berkenaan.

Langkah-langkah sedemikian mungkin termasuk keselamatan pentadbiran, teknikal, organisasi dan fizikal, kawalan akses, langkah keselamatan maklumat dan kewajipan kerahsiaan yang dikenakan ke atas kakitangan, kontraktor dan penyedia perkhidmatan yang memproses Data bagi pihak kami.

Jika Pemproses Data dilantik oleh ASB dan/atau Kumpulan ASB, Pemproses Data tersebut dikehendaki melaksanakan langkah-langkah keselamatan dan kerahsiaan yang wajar berhubung dengan Data yang diproses oleh mereka.

ASB dan/atau Kumpulan ASB mengekalkan prosedur bagi pengurusan dan penilaian pelanggaran data peribadi yang sebenar atau disyaki dan akan mengambil tindakan sebagaimana yang mungkin diperlukan di bawah undang-undang berkenaan.

9. Kami mungkin menyimpan atau memindahkan Data anda ke lokasi/tempat dan sistem di luar Malaysia.

Jika Data anda dipindahkan, disimpan, diakses atau diproses di luar Malaysia, ASB dan/atau Kumpulan ASB akan mengambil langkah-langkah wajar untuk memastikan bahawa Data tersebut sentiasa diberikan perlindungan yang setara dengan ketetapan Akta tersebut.

10. Sekiranya anda memberikan kami Data mana-mana pihak ketiga (misalnya hubungan kecemasan, penyewa, wakil lantikan, kontraktor, peguam, pembiaya), kami bergantung kepada anda untuk memperoleh persetujuan yang memadai terlebih dahulu daripada pihak ketiga ini untuk membenarkan kami memproses Data mereka untuk memenuhi Tujuan-tujuan dan kenyataan serta jaminan anda bahawa anda telah memperoleh persetujuan mereka atau sebaliknya berhak memberikan Data mereka kepada kami.

11. Dengan menggunakan laman sesawang kami dan/atau memberikan Data anda kepada kami, anda dengan ini mempersetujui pemprosesan Data anda selaras dengan semua perkara yang dinyatakan di atas kecuali dan sehingga anda memaklumkan kepada kami sebaliknya.

12. Kami berhak untuk mengemas kini, menyemak semula dan meminda Notis Data Peribadi ini dari semasa ke semasa untuk mematuhi atau selaras dengan perubahan undang-undang dan peraturan berkenaan, perubahan amalan perniagaan kami, prosedur, dasar dan struktur serta jangkaan privasi komuniti yang berubah.

Versi Notis Data Peribadi yang terkini boleh didapati di <http://www.asb.com.my>.

13. Sekiranya terdapat ketidakselarasan atau percanggahan antara versi bahasa Inggeris dan versi bahasa Malaysia, versi bahasa Inggeris akan diutamakan.

14. Notis Data Peribadi ini diurustadbirkan oleh dan ditafsir menurut undang-undang Malaysia.

Kemas kini terakhir: 28 Julai 2026